

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 12.00, Isnin, 27 Disember 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
DASHBOARD MYPRICE

***Dashboard MyPrice* Untuk Memantau Harga Barangan
Keperluan Terpilih**

PUTRAJAYA, 27 Disember 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kolaborasi bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membangunkan *Dashboard MyPrice* sebagai usaha membantu pihak berkaitan memantau harga harian barang-barang keperluan terpilih. Di peringkat permulaan, *Dashboard MyPrice* ini mempunyai 36 barang keperluan terpilih termasuk 12 barangan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM). Buat masa ini, *Dashboard MyPrice* meliputi 137 outlet seluruh Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Inisiatif *Dashboard MyPrice* ini adalah bertepatan selari dengan kenaikan harga barang keperluan dan memerlukan tindakan intervensi daripada kerajaan dan pelbagai pihak. *Dashboard MyPrice* bertujuan membekalkan harga harian bagi barang keperluan tersebut kepada pelbagai pihak serta membolehkan kerajaan memantau dan menganalisis trend perubahan harga yang berlaku. Pemilihan 36 item tersebut adalah berdasarkan kepada item yang paling banyak digunakan dan menjadi pilihan kebanyakan isi rumah di Malaysia. *Dashboard MyPrice* juga akan membantu isi rumah dalam mendapatkan maklumat yang lebih baik mengenai harga daripada sumber yang dipercayai. Sebagai contoh, trend harga satu kilogram ikan kembong di Pasar Selayang Baru, Selangor menurun kepada RM20.00 pada 26 Disember 2021

berbanding RM24.00 pada 7 Disember 2021. Sementara itu, harga ikan yang sama di Pasar Basah Presint 8, Putrajaya adalah konsisten pada RM20.00 sekilogram sejak 7 Disember 2021".

Ketua Perangkawan Malaysia mengulas lanjut, "Harga yang dipaparkan di *Dashboard MyPrice* adalah berdasarkan kepada tiga sumber iaitu harga yang diperoleh daripada pemantauan KPDNHEP, data *crawling* dan pungutan harga oleh anggota DOSM di outlet terpilih. *Dashboard MyPrice* mempunyai empat kategori utama barangan keperluan terpilih iaitu ayam, daging & telur; sayur-sayuran; ikan & makanan laut dan buah-buahan. Sebagai permulaan, *Dashboard MyPrice* menunjukkan harga harian barangan keperluan bermula dari 7 Disember 2021. *Dashboard MyPrice* akan dikemaskini secara berkala untuk manfaat rakyat dan juga kerajaan khususnya dalam memantau perubahan harga".

Mengulas mengenai insiden banjir dan impak ke atas harga barangan, "Banjir baru-baru ini yang berlaku di beberapa negeri didapati tidak memberi impak yang besar kepada tingkat paras harga umum. Namun dijangkakan akan terdapat kecenderungan untuk berlaku kenaikan bagi barang-barang yang mengalami peningkatan permintaan yang mendadak seperti peralatan rumah. Oleh itu, *Dashboard MyPrice* ini merupakan salah satu medium yang boleh digunakan untuk mengesan dan melihat perubahan dalam harga barangan keperluan terpilih. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan, tetapi juga kepada pengguna". *Dashboard MyPrice* ini boleh dicapai melalui pautan <https://tinyurl.com/MyPriceDOSM>

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 DISEMBER 2021**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday 27th December 2021



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
MYPRICE DASHBOARD**

MyPrice Dashboard To Monitor Selected Essential Goods

PUTRAJAYA, 27 December 2021 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) in collaboration with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) has developed MyPrice Dashboard as an effort to assist relevant parties in monitoring daily price changes of selected essential goods. As an initial, MyPrice Dashboard consists of 36 selected essential goods including 12 goods under the Keluarga Malaysia Maximum Price Scheme (SHMKM). Currently, MyPrice Dashboard covers 137 selected outlets throughout Malaysia.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri. Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The MyPrice Dashboard initiative is timely in tandem with rising prices of essential goods and requires an intervention from the government and various parties. MyPrice Dashboard aims to supply the various parties with daily prices of those goods and allow the government in monitoring and analysing the trend of any price changes. The selection of those 36 items are based on the most consumed and preferred items by most households in Malaysia. MyPrice Dashboard will also help households in obtaining better information regarding the prices from a reliable source. For example, a trend of the price of one kilogram Indian Mackerel in Pasar Selayang Baru, Selangor decreased to RM20.00 in 26th December 2021 as compared to RM24.00 in 7th December 2021. Meanwhile, the price of the same fish in Precinct 8, Putrajaya's wet market was consistent at RM20.00 per kilogram since 7th December 2021"

The Chief Statistician Malaysia further explained, “The prices published on the MyPrice Dashboard are based from three sources consisting of prices obtained from KPDNHEP’s monitoring, data crawling and price collection by DOSM’s staff at selected outlets. The MyPrice Dashboard contains four main categories of selected essential goods which are chicken, beef & egg; vegetables; fish & seafood and fruits. For a start, MyPrice Dashboard shows daily prices of those goods starting from 7 December 2021. MyPrice Dashboard will be updated regularly for the benefit of rakyat as well as the government particularly in monitoring price changes”.

Commenting on the recent flood and the impact to the prices of goods “The recent floods that occurred in few states did not cause major impact to the overall price level. Nevertheless, it is expected there may be a tendency of an increase for goods that experienced sharp rise in demand such as household appliances. Thus, the MyPrice Dashboard is one of the mediums that can be used to track and see a change in selected essential goods’ prices. This is not only beneficial to the government, but also to the consumers”. MyPriceDashboard is accessible through <https://tinyurl.com/MyPriceDOSM>.

Our sincere thanks and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 DECEMBER 2021**